

# BN dijangka menang besar kerusi DUN Batu Talam

UM- 6/1/2007

KUANTAN 5 Jan. - Pembangunan pesat terutama dalam sektor perladangan dan pertanian di daerah Raub, pasti mengundang sokongan padu rakyat terhadap kerajaan pada pilihan raya kecil Batu Talam, kata bekas Timbalan Menteri Besar Pahang, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman.

Beliau berkata, rakyat di Raub khususnya Batu Talam, matang dalam membuat penilaian terhadap segala usaha pihak kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Berdasarkan pengetahuan saya, isu-isu kenaikan harga seperti tol dan minyak yang bakal dimainkan parti pembangkang, tidak akan berjaya," katanya ketika dihubungi *Bernama* hari ini.

Katanya, rakyat memahami beban yang terpaksa ditanggung kerajaan dalam membawa pembangunan dan kemajuan kepada mereka.

Mengenai calon, beliau berkata, biasanya BN memilih calon yang rapat dan bersesuaian dengan rakyat tempatan."

Sementara itu, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakub berkata, calon daripada golongan profesional dan muda adalah antara tujuh nama calon yang telah disenaraipendekkan bagi mewakili BN pada pilihan raya kecil itu nanti.

Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang berkata, nama semua calon itu akan dimaklumkan kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secepat mungkin.

"Dua aspek yang perlu ada dalam ciri calon adalah keinginan atau cita-cita kita berkhidmat dan satu aspek lagi ialah kemahuan rakyat dan pengundi itu sendiri," katanya.

Pilihan raya kecil itu yang berlangsung 28 Januari ini dilihat menjadi pengukur kepada sokongan dan kekuatan Barisan Nasional (BN) yang menang besar pada pilihan raya umum lepas, sebelum menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Batu Talam, yang sebelum ini pernah menjadi perhatian umum berikutan kes 'Bomoh Mona Fendy', pasti sekali lagi menjadi tumpuan seluruh negara dengan tempoh berkempen yang agak panjang, selama 13 hari.

Kekosongan kerusi itu berikutan kematian anggota Dewan Undangan Negeri kawasan berkenaan, Datuk Tengku Paris Tengku Razlan pada 27 Disember lepas akibat penyakit barah usus. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) semalam, menetapkan 16 Januari ini sebagai hari penamaan calon dan hari mengundi pada 28 Januari sekiranya ada pertandingan.

Pada pilihan raya umum lalu, BN memenangi kerusi itu dengan mendapat 5,414 undi menewaskan calon PAS, Dr. Mohamed Nilam Abdul Manap yang meraih 2,653 undi.

SPR semalam, mengumumkan bahawa seramai 10,525 pemilih iaitu 10,511 pemilih biasa dan 14 pemilih pos layak mengundi berdasarkan daftar pemilih terakhir yang diwartakan pada 30 November 2006.

Seramai 143 kakitangan SPR akan ditugaskan pada pilihan raya berkenaan yang melibatkan 12 pusat meSngundi dan 23 saluran mengundi.

- **Bernama**